

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha/ rancangan Kementerian dalam menangani masalah pengangguran rakyat Malaysia khususnya golongan muda yang semakin meningkat dan tindakan yang telah diambil untuk mengawal bilangan pekerja asing termasuk mereka yang tidak berpermit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menganggarkan julat maksimum kadar pengangguran secara keseluruhannya adalah dalam lingkungan 3.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun ini susulan daripada pandemik Covid-19.

2. Berdasarkan data terkini Laporan Tenaga Buruh oleh DOSM, kadar pengangguran belia pada suku tahun pertama 2020 ialah 11.0 peratus iaitu seramai 291.4 ribu orang belia. Manakala kadar pengangguran belia bagi suku tahun kedua pula ialah 12.5 peratus iaitu 326.7 ribu orang belia menganggur. Situasi ini berlaku susulan daripada pandemik Covid-19 yang menunjukkan kadar pengangguran belia meningkat sebanyak 1.5 mata peratus antara suku tahun pertama dan kedua tahun 2020.

3. Bagi mengawal bilangan pekerja asing termasuk mereka yang tidak berpermit, Kerajaan mengamalkan dasar memberikan keutamaan penggajian kepada warga tempatan. Semua majikan yang berhasrat untuk menggajikan pekerja asing melalui program pengambilan semula (*re-hiring*) dan juga permohonan pengambilan pegawai dagang (*expatriate*) diwajibkan terlebih dahulu mengiklankan kekosongan jawatan tersebut di portal pekerjaan nasional, MYFutureJobs, berkuatkuasa 1 November 2020. Pengiklanan kekosongan jawatan di MYFutureJobs hendaklah tidak kurang daripada 14 hari bagi program *re-hiring* pekerja asing (yang sedia ada dalam negara) dan 30 hari bagi permohonan pegawai dagang. Hanya jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan sahaja dibenarkan untuk menggajikan warga asing.

4. Pengambilan Pegawai Dagang (Ekspatriat) hanya akan dilakukan apabila kemahiran atau kepakaran yang diperlukan tidak dimiliki oleh warga tempatan atau bilangannya sangat terhad untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan. Permohonan bagi jawatan ekspatriat ini juga perlu

dikemukakan kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan yang ditentukan mengikut jenis-jenis perniagaan dan industri.

5. Bagi menambahbaik kawalan penggajian ekspatriat, kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, jabatan dan agensi terlibat akan dipertingkatkan dengan memperkenalkan langkah-langkah yang lebih berkesan seperti pelaksanaan integrasi sistem dengan pelbagai agensi di bawah satu platform.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

6. Kerajaan telah menjangkakan impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap ekonomi dan pekerjaan dari awal lagi, dan telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk membantu mengurangkan beban industri dan menjamin kelangsungan pekerjaan bagi tenaga kerja Malaysia seperti Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Jana Ekonomi Negara (PENJANA).

7. Antara inisiatif yang diperkenalkan adalah terdiri daripada **lima (5) inisiatif PENJANA berkaitan sumber manusia**. Pertama, **Program Subsidi Upah** merupakan bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah. Kedua, **Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara** bertujuan untuk memperkukuh portal pekerjaan dan padanan kerja serta bekerjasama dengan portal pekerjaan swasta untuk padanan kerja. Ketiga, **Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan** bagi menggalakkan pengambilan pekerja dengan menyediakan insentif kewangan kepada majikan. Keempat, **Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran** bagi meningkatkan kebolehpasaran golongan penganggur melalui program latihan untuk mendapat kemahiran dan meningkatkan kemahiran dan kelima, **Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig** bagi menjamin keselamatan sosial dan kebajikan golongan pekerja ekonomi gig.

SOALAN NO : 30

8. Program Subsidi Upah (PSU 1.0) dan pelanjutan Program Subsidi Upah (PSU) 2.0 membantu majikan yang terkesan supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan. Program ini melibatkan pengagihan dana Kerajaan berjumlah RM2.4 billion dengan sasaran seramai 1.3 juta pekerja. Melalui PSU 1.0, sejumlah 331,950 syarikat dan 2.73 juta pekerja telah menerima manfaat ini. Sehingga 27 November 2020, PERKESO telah menyalurkan bantuan kepada 77,882 majikan dan 782, 904 pekerja melalui program PSU 2.0.

9. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 billion kepada PERKESO untuk Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan. Program ini merangkumi insentif pengambilan pekerja, peningkatan kemahiran pekerja dan penganggur, bantuan perpindahan, dan kerjasama dengan agensi pekerjaan swasta sehingga tempoh 6 bulan. Program ini telah berjaya membantu seramai 90,930 ribu pekerja sehingga 27 November 2020.

10. Kementerian juga melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020. Lima (5) skim telah diperkenalkan yang memberi penekanan terhadap latihan dan peningkatan kemahiran pekerja (*upskilling* dan *reskilling*) iaitu *Place and Train*, *B40 Development*, *SME Development*, *Industry Revolution 4.0* dan *Gerak Insan Gemilang (GIG)*.

11. Dalam usaha kerajaan untuk memperkasakan rakyat, Kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah dipertanggungjawabkan untuk turut menyelaraskan pelaksanaan program PENJANA *Upskilling & Reskilling* dengan jumlah peruntukan sebanyak Dua (2) Billion. Program kemahiran dan peningkatan kemahiran ini sedang dilaksanakan merentasi Lapan (8) Kementerian dan Agensi dan akan memanfaatkan sejumlah Dua Ratus Ribu (200 ribu) belia dan golongan penganggur.

SOALAN NO : 30

12. PENJANA *Upskilling & Reskilling* akan membantu golongan penganggur dalam mendapatkan pekerjaan baharu (*new jobs*), menghasilkan usahawan baharu (*new entrepreneurs*) atau pengekalan pekerjaan (*job retention*). Sehingga kini, sejumlah RM500 juta peruntukan telah disalurkan dan seramai 102,000 pelatih telah diluluskan untuk mengikuti pelbagai program dibawah PENJANA *Upskilling & Reskilling*. Langkah ini dijangka akan terus membantu mengurangkan kadar pengangguran Negara ke aras yang lebih stabil.

13. Kementerian juga telah mengambil langkah pro aktif bersama-sama Kementerian Kewangan untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan sumber manusia tersebut dengan menubuhkan Jawatankuasa Pekerjaan Nasional (JKPN) pada Jun 2020. Objektif Jawatankuasa ini adalah untuk memantau keadaan pasaran buruh dan pengangguran negara, menyelaras pelaksanaan inisiatif PENJANA serta dan memantau keberkesanan inisiatif-inisiatif tersebut.

14. Melalui Belanjawan 2021 yang diumumkan baru-baru ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif pengambilan pekerja di bawah PERKESO yang kini dikenali sebagai PenjanaKerjaya dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion ringgit. Inisiatif ini dijangka dapat membuka peluang pekerjaan kepada 250 ribu pencari kerja.

15. Kerajaan juga akan melanjutkan pelaksanaan Program Subsidi Upah selama tiga bulan lagi dengan lebih bersasar, khususnya bagi sektor pelancongan serta sektor peruncitan dengan kadar RM600 ringgit sebulan bagi pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah. Selain itu, had 200 pekerja bagi setiap permohonan akan ditingkatkan kepada 500 pekerja. Sebanyak RM1.5 bilion ringgit diperuntukkan dan dijangka akan membantu 70 ribu majikan dan 900 ribu pekerja.

16. Selain itu, Kerajaan telah meluluskan pengecualian bayaran levi tabung Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM @ HRDF) untuk tempoh selama 6 bulan berkuatkuasa 1 Januari 2021 kepada majikan di bawah sektor pelancongan dan syarikat yang terjejas akibat

SOALAN NO : 30

penularan COVID-19 ini. Majikan yang terjejas boleh mengemukakan permohonan kepada PSMB untuk dikecualikan daripada membayar levi. Inisiatif ini akan dapat membantu mengurangkan beban aliran tunai syarikat yang masih terjejas disebabkan oleh COVID-19.

17. Pada masa ini, Kerajaan melalui PERKESO membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan melalui pemberian Elaun Mencari Pekerjaan. Elaun ini diberi selama enam bulan di mana bulan pertama layak menuntut 80 peratus gaji dan secara beransur-ansur berkurang kepada 30 peratus gaji. Sehubungan itu, bagi tahun 2021, tempoh Elaun Mencari Kerja akan dilanjutkan selama tiga bulan dan kadar layak menuntut daripada 80 peratus gaji bagi bulan pertama, 50 peratus bagi bulan kedua hingga keenam dan seterusnya 30 peratus bagi tiga bulan terakhir. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM150 juta ringgit akan disediakan dan dijangka memanfaatkan sehingga 130 ribu orang pencari kerja.

18. Kerajaan akan sentiasa berusaha agar kadar pengangguran di Malaysia adalah terkawal dan memastikan rakyat mampu mendepani saat-saat sukar yang belum pernah dialami oleh Negara sebelum ini.

Sekian, terima kasih.